

DRAF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PENDENGARAN)

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

BAHASA MALAYSIA TAHUN LIMA

DOKUMEN STANDARD
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PENDENGARAN)

BAHASA MALAYSIA

TAHUN 5

BAHAGIAN PEMBANGUNAN
KURIKULUM

Cetakan Pertama 2013

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KANDUNGAN MUKA SURAT

RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	1
OBJEKTIF	1
KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG	2
KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD	3
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)	9
ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK)	10
FOKUS MATA PELAJARAN	13
- Matlamat	13
- Objektif	14
PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	15
PENTAKSIRAN SEKOLAH	18
DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN BAHASA MALAYSIA TAHUN 4	
- Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / mendengar dan Bertutur	26
- Kemahiran Membaca (isyarat / sebutan)	31
- Kemahiran Menulis	35
- Kemahiran Seni Bahasa	40
- Kemahiran Tatabahasa	43
GLOSARI	48

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid, dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) adalah bersifat holistik, tidak terlalu akademik, dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan;

.....seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada;

- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran
- ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti
- iii. susunan aktiviti; dan
- iv. bahan bantu mengajar

.... Apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan

(1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) dibina supaya pembelajaran yang diperoleh di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti secara optimum untuk murid bermasalah pendengaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

MATLAMAT

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) digubal dengan matlamat untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu serta bersesuaian dengan tahap kefungisian murid. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

OBJEKTIF

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) membolehkan murid:

- i. Mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna.
- ii. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran supaya dapat berdikari dalam kehidupan seharian.

- iii. Menunjukkan kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan berkerjaya
- iv. Mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna.
- v. Menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi sejajar dengan tatasusila masyarakat majmuk.
- vi. Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam
- vii. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
- viii. Melibatkan diri dalam aktiviti riadah.
- ix. Menghargai keindahan alam dan warisan budaya.
- x. Menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa.

vi. keterampilan diri.



Rajah 1 : Reka Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dibina bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Domain bagi setiap tunjang adalah;

- i. komunikasi;
- ii. kerohanian, sikap dan nilai;
- iii. kemanusiaan;
- iv. sains dan teknologi;
- v. perkembangan fizikal dan estetika;

KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD

Standard Kurikulum

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan:

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran:

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Malaysia dan pendekatan modular. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran seperti berikut:

- Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat/ Mendengar
- Kemahiran Bertutur (berisyarat / lisan)
- Kemahiran Membaca (isyarat / sebutan)
- Kemahiran Menulis

Pendekatan Modular

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia distrukturkan dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Dalam

mata pelajaran Bahasa Malaysia terdapat lima modul iaitu Modul Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar, Bertutur (berisyarat / lisan), Modul Membaca (isyarat / sebutan), Modul Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, kemahiran bertutur (berisyarat), kemahiran membaca (isyarat / sebutan) dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul - modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

1. Modul Kemahiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar

Modul Kemahiran melihat, mengecam, berisyarat / mendengar memberi penekanan pada kemahiran melihat, mengecam, berberisyarat / mendengar dan bertutur. Kemahiran melihat, mengecam, berberisyarat / mendengar merujuk pada keupayaan murid melihat, mengecam dan mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan / visual perkara yang didengar / dilihat dalam pelbagai situasi pengucapan/ isyarat serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur / isyarat pula merujuk keupayaan murid

berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan /isyarat dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur / isyarat.

2. Modul Kemahiran Membaca (isyarat / sebutan)

Modul Kemahiran Membaca (isyarat / sebutan) memberikan tumpuan pada kemahiran membaca (isyarat / sebutan) di samping penggabungjalinan kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran membaca (isyarat / sebutan) merujuk keupayaan murid membaca / isyarat dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca (isyarat / sebutan). Di samping itu, melalui modul kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca (isyarat / sebutan).

3. Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis pula berfokuskan

kemahiran menulis. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperolehi melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4. Modul Seni Bahasa

Modul Seni Bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahas merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran modul ini, murid menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan / isyarat dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

5. Modul Tatabahasa

Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan / isyarat dan bertulis.

Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan (Ejaan Jari), sebutan / isyarat dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1.1 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

a. Struktur kata merujuk pola suku kata bagi:

- i. kata asli bahasa Melayu
- ii. kata pinjaman bahasa Melayu

b. Bentuk kata terdiri daripada:

- i. kata tunggal
- ii. kata terbitan
- iii. kata ganda
- iv. kata majmuk

c. Proses pembentukan kata meliputi:

- i. pengimbuhan
- ii. penggandaan
- iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata ini, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

d. Golongan kata terdiri daripada:

- i. kata nama
- ii. kata kerja
- iii. kata adjektif
- iv. kata tugas

1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan

perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan ayat:
 - i. ayat dasar
 - ii. ayat tunggal
 - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk.
- f. Proses ayat terbitan:
 - i. proses penggantian
 - ii. proses pengguguran
 - iii. proses penyusunan semula
 - iv. proses peluasan

2. Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan / isyarat. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan/isyarat dan penulisan. Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

3. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid-murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid-murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

a. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku.

b. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- i. ayat nyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat perintah
- iv. ayat seruan
- v. ayat terbalik atau songsang
- vi. ayat aktif
- vii. ayat pasif

4. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam setiap pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

5. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Nota:

Buku Tatabahasa Dewan Edisi Terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Kurikulum Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid supaya berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam

membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti **Jadual 1**.

KBAT	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Jadual 1: Penerangan KBAT

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit dalam setiap kurikulum mata pelajaran. KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir. Murid diberi tanggungjawab dalam pembelajaran mereka.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Dalam KBSR terdapat beberapa elemen merentas kurikulum telah diperkenalkan seperti Bahasa, Pendidikan Alam Sekitar, Patriotisme, Kemahiran Berfikir, Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial, Pencegahan Rasuah, Pendidikan Pengguna dan Keselamatan Jalanraya. Elemen Merentas Kurikulum dalam KBSR dikekalkan dan ditambah dengan memperkenalkan elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

1. Kreativiti dan Inovasi

Kreativiti dan inovasi adalah dua perkara yang berkaitan. Secara umum, kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baru. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasikan idea kreatif dalam konteks tertentu. Elemen kreativiti dan inovasi merupakan salah satu elemen yang diberi penekanan dalam KSSR untuk menyediakan murid dalam menangani cabaran abad ke-21. Kreativiti dan inovasi murid perlu dipupuk dan dibangunkan ke tahap optimum supaya mereka berkeupayaan menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti, dan seterusnya menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan warganegara Malaysia pada masa hadapan.

2. Keusahawanan

Dalam Model Baru Ekonomi, antara ciri Malaysia pada tahun 2020 adalah inovatif dan keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan dalam KSSR bertujuan membentuk ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid. Ciri dan amalan keusahawanan ini boleh dibentuk dengan:

- mengamalkan sikap keusahawanan;

- mengaplikasikan pemikiran keusahawanan;
- mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan;
- memformulasikan konsep, proses atau produk keusahawanan; dan
- mengamalkan nilai, moral dan etika baik dalam keusahawanan.

Semua ciri dan amalan ini dilaksanakan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid sekolah rendah.

3. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Teknologi merupakan sesuatu mata pelajaran yang berkesan untuk memperkukuhkan pembelajaran. Penggunaan teknologi seperti televisyen, radio, komputer, Internet, perisian komputer, perisian kursus dan antara muka berkomputer menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Animasi dan simulasi berkomputer membantu dalam mempelajari konsep yang sukar dan abstrak, dan boleh dipersembahkan dalam bentuk perisian kursus atau laman web. Elemen TMK merupakan satu elemen yang diberi

penekanan dalam KSSR. Terdapat tiga pendekatan dalam menggunakan TMK iaitu:

- i. Belajar mengenai TMK
- ii. Belajar melalui TMK
- iii. Belajar dengan TMK

4. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu lain yang berkaitan dengan hal-hal semasa juga boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pembelajaran dan pengajaran.

5. Kemahiran

Dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa kemahiran mendengar, kemahiran bertutur / berisyarat, kemahiran membaca dan kemahiran menulis merupakan kemahiran yang mesti dilaksanakan. Selain itu, kemahiran merentas kurikulum tidak diketepikan, malah turut ditekankan dalam KSSR yang meliputi pelbagai kemahiran yang boleh membantu

mempertingkatkan pengetahuan dan potensi diri murid. Kemahiran menggunakan teknologi maklumat merupakan antara kemahiran merentas kurikulum yang diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Malaysia.

6. Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam Kurikulum Bahasa Malaysia bertujuan melahirkan insan yang berketerampilan dan memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan murni dapat membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berkeperibadian luhur. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dalam masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai-nilai sejagat. Antara nilai murni ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan

- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

7. Patriotisme

Elemen patriotisme dalam pendidikan Bahasa Malaysia mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme dipupuk melalui mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cinta akan bahasa dan bangsa, serta meningkatkan komitmen individu terhadap Negara.

8. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam Kurikulum Bahasa Malaysia merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

9. Sains dan Teknologi

Penerapan empat unsur sains dan teknologi dalam mata pelajaran lain dilaksanakan melalui kandungan, aktiviti dan bahan atau prasarana. Antara unsurnya ialah pengetahuan sains dan teknologi, kemahiran saintifik dan penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

10. Pendidikan Alam Sekitar

Pendidikan alam sekitar bertujuan untuk menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid. Aktiviti berkaitan dengan alam sekitar boleh memberikan kesedaran dan membentuk etika murid untuk menghargai alam.

FOKUS MATA PELAJARAN

Pada akhir pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah (Masalah Pendengaran), murid dapat membina perbendaharaan kata, mempertingkatkan pemahaman berbahasa dan berkomunikasi secara berkesan sama ada pembelajaran di dalam atau di luar bilik darjah. Di samping itu, murid boleh menggunakan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi untuk memperoleh dan menyampaikan pendapat, idea dan maklumat dalam pelbagai situasi pembelajaran dan perhubungan sosial serta urusan harian.

Matlamat

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah, Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) adalah untuk membolehkan murid berkeyakinan dalam berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperolehi pengetahuan, ilmu, maklumat, idea, perhubungan sosial dan urusan kehidupan.

Objektif

Murid bermasalah pendengaran yang mengikuti pembelajaran dan pengajaran Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran) ini berkebolehan untuk:

- | | |
|--|---|
| <p>i. Mendengar, melihat, mengecam dan memahami mesej yang disampaikan oleh pihak lain dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal menggunakan kod tangan / isyarat jika perlu.</p> | <p>vii. Membaca (isyarat / sebutan) dan memindahkan maklumat yang perlu ke dalam pelbagai bentuk prosa atau bentuk grafik.</p> |
| <p>ii. Mendengar, melihat, mengecam dan memberikan respons terhadap bunyi arahan, pertanyaan dan pesanan sama ada melalui perlakuan bahasa lisan dan bukan lisan.</p> | <p>viii. Membaca (isyarat / sebutan) dan memberikan pelbagai respons berdasarkan maklumat yang terdapat dalam teks.</p> |
| <p>iii. Bertutur / berisyarat menggunakan sebutan, intonasi dan bahasa yang betul.</p> | <p>ix. Memupuk minat membaca daripada pelbagai bahan bacaan bagi memperkayakan kosa kata dan maklumat.</p> |
| <p>iv. Bertutur / berisyarat dengan menyatakan pendapat dan permintaan secara bertatasusila mengikut situasi.</p> | <p>x. Menulis dan menghasilkan pelbagai jenis karangan kreatif dan bukan kreatif.</p> |
| <p>v. Membaca (isyarat / sebutan) dengan sebutan / isyarat, intonasi dan jeda mengikut tanda bacaan yang betul.</p> | <p>xi. Menggunakan bahasa baku meliputi tatabahasa, kosa kata, sebutan / isyarat dengan intonasi yang betul dalam aktiviti mendengar, melihat, mengecam, bertutur / isyarat, membaca (isyarat / sebutan) dan menulis.</p> |
| <p>vi. Membaca dan menaakul bahan sastera dan bukan sastera bagi mendapatkan maklumat secara tersurat dan tersirat.</p> | <p>xii. Menulis ulasan berasaskan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Pendidikan Bahasa Malaysia sekolah rendah digubal dengan memberikan penekanan pada standard kandungan dan standard</p> |

pembelajaran yang patut diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard kandungan dan standard pembelajaran ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen pengisian kurikulum.

PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Kepelbagaian Kaedah dan Teknik

Proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Guru boleh memilih kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu mengajar, serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berkomunikasi dan berinteraksi serta berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

1. Didik Hibur

Didik hiburan merupakan satu pendekatan dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hiburan dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi dan bahan pembelajaran dan pengajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar / melihat/ mengecam, bertutur / isyarat, membaca (isyarat / sebutan), menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

2. Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir kritis dan kreatif.

3. Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

4. Pembelajaran Koperatif

Kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

5. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual, ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

6. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

7. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

8. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

9. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

10. Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

11. Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini

dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

12. Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer amatlah digalakkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Malaysia. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, internet, bahan sastera dan bahan berunsur ilmu hendaklah digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran serta untuk bacaan ekstensif.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah salah satu komponen utama dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan

- merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- *Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP.*
- *Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.*

Pentaksiran Rujukan Standard

Standard Prestasi diguna untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Prestasi murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan

dengan orang lain. Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Tahap Penguasaan (TP) merujuk kepada aras penguasaan tertentu yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan.

Jadual 1 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan. **Jadual 2** pula menyediakan tafsiran tentang tahap penguasaan yang digunapakai dalam mentafsir prestasi murid bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Tafsiran Umum

TAHAP PENGUSAAN	MAKSUD TAHAP PENGUSAAN	TAFSIRAN UMUM
1	Tahu	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Tahu dan Faham	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah

		serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekak, dan bersikap positif.
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif, serta boleh dicontohi.

Jadual 1: Maksud dan tafsiran umum tentang Tahap Penguasaan

Kerangka Standard Prestasi

Tahap Penguasaan	Huraian Tahap Penguasaan
1	Sangat Terhad
2	Terhad
3	Memuaskan
4	Baik
5	Sangat Baik
6	Cemerlang

Tahap Penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hieraki digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok standard.

Standard ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.

Tahap Penguasaan	Huraian
1	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa.
2	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa.
3	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
4	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat

	mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara sendiri dalam kemahiran bahasa.
6	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara sendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

Jadual 2: Tafsiran Umum Keseluruhan Tahap Penguasaan Untuk Bahasa Malaysia.

Tahap ini menandakan pencapaian murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Malaysia KSSR dalam Kemahiran Bahasa. Semua guru bahasa Malaysia perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok yang telah disusun. Guru seharusnya memberi peluang kepada setiap muridnya mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan majud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang

sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

Pengayaan

Program pengayaan disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pembelajaran dan pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Pendekatan Tematik

Pembelajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia diajar berdasarkan tema. Melalui pembelajaran dan pengajaran bertema kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa. Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

Keluargaan

Tema keluarga merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai dan menghormati setiap ahli keluarga.

Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, hormat-menghormati, bekerjasama dan bertanggungjawab.

Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

Perpaduan

Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang terbentuk hasil daripada toleransi dalam kalangan penduduk

Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen- elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

Pertanian dan Penternakan

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang peniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan. Manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

Beberapa kaedah pentaksiran dalam bilik darjah yang boleh dijalankan adalah:

Pemerhatian: Kaedah ini sesuai untuk menilai individu dari aspek kemahiran saintifik serta sikap saintifik dan nilai murni. Kaedah pemerhatian adalah untuk menilai proses yang dilakukan murid, bukan hasil akhir yang diperolehi.

Ujian: Ujian boleh dijalankan dalam bentuk kertas pensel atau lisan. Ujian kertas pensel boleh disediakan dalam bentuk soalan objektif atau subjektif. Contoh ujian lisan adalah kuiz.

Persembahan secara lisan: Persembahan secara lisan adalah penting untuk menilai kemahiran bertutur, keyakinan diri dan pengetahuan murid tentang kemahiran yang dipelajari.

Senarai semak: Senarai semak merupakan laporan individu tentang penguasaan elemen-elemen yang diuji dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen yang diuji dalam sains adalah pengetahuan, kemahiran serta sikap saintifik dan nilai murni.

Portfolio: Portfolio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Contoh portfolio adalah buku skrap dan folio.

Esei: Esei mempamerkan tentang kemahiran murid untuk menyampaikan maklumat secara saintifik dan sistematik.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN KEMAHIRAN MELIHAT, MENGECEM, BERISYARAT / MENDENGAR DAN BERTUTUR

Objektif Kemahiran Melihat, Mengecem, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. mendengar / melihat, memahami dan memberi respons (berisyarat / mendengar dan bertutur) yang sesuai secara lisan dan gerak laku terhadap arahan berdasarkan ayat perintah dan soalan dengan betul;
- ii. menyampaikan (isyarat / lisan) pesanan yang didengar/ dilihat mengikut urutan dengan betul;
- iii. bertutur dan berbual (isyarat / lisan) tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat gramatis, kata gelaran dan kata ganti nama diri dengan betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila;
- iv. menyatakan permintaan (isyarat / lisan) tentang sesuatu perkara menggunakan kata / isyarat dan bahasa badan yang sesuai dalam situasi tidak formal secara bertatasusila;
- v. bercerita dan menceritakan (isyarat / lisan) sesuatu perkara dengan tepat menggunakan ayat yang mengandungi wacana, sebutan / isyarat yang jelas, intonasi yang betul;
- vi. berbicara (isyarat / lisan) untuk mendapatkan maklumat yang tersirat dengan tepat tentang sesuatu perkara secara bertatasusila;
- vii. menyampaikan maklumat dalam bentuk pengumuman (isyarat / lisan) tentang sesuatu perkara daripada media cetak menggunakan ayat gramatis secara bertatasusila; dan
- viii. berbincang dan mengemukakan pendapat (isyarat / lisan) tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)

BAHASA MALAYSIA TAHUN 5

KEMAHIRAN : 1) MELIHAT, MENGECEM, BERISYARAT / MENDENGAR DAN BERTUTUR

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 1 1.2 Melihat, mengecam, mengisyaratkan dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul. 1.3 Melihat, mengecam, mengisyaratkan, mendengar, memahami dan memberi respons terhadap sesuatu arahan, soalan dan pesanan yang didengar dengan betul.	1.2.6 Melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, memahami, menyebut ragam ayat dengan betul dan tepat. jenis- jenis ayat dengan betul dan tepat. 1.3.1 Melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, memahami dan memberikan respons yang sesuai terhadap arahan mengikut urutan dengan betul. 1.3.2 Melihat, mengecam, berisyarat / mendengar, memahami dan memberikan respons menggunakan lisan / isyarat yang sesuai secara bersoal jawab terhadap soalan yang mengandungi kata tanya dan tanpa kata tanya. 1.3.3 Melihat, mengecam, mendengar, berisyarat / memahami dan memberikan respons dengan menyampaikan pesanan yang sesuai secara bersopan. 5.1.1, 5.1.3, 5.1.7, 5.3.1	1	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap sangat terhad.
		2	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap terhad.
		3	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap sesuai.
		4	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap kukuh.
		5	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap terperinci.
		6	Memberi respons (isyarat / lisan) dengan betul terhadap pelbagai jenis ayat pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 2 1.4 Berkomunikasi dengan isyarat, bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	1.4.1 Berkomunikasi secara berisyarat / bertutur tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	1	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan ;memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sangat terhad.
	1.4.2 Berkomunikasi secara berisyarat / bertutur / berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata gelaran yang sesuai dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	2	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap terhad.
	1.4.3 Berkomunikasi secara berisyarat / bertutur / berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama diri dengan laras bahasa istana dengan betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	3	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sesuai.
	1.4.4 Berkomunikasi secara berisyarat / bertutur / berbual dan menyatakan permintaan dengan menggunakan ayat, gaya dan bahasa badan yang meyakinkan dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.	4	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap kukuh.
		5	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap terperinci.
		6	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sangat terperinci dan konsisten serta menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
<p>1.6 Berisyarat / berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.</p> <p>1.7 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila</p>	<p>1.6.1 Berisyarat / berbicara untuk mendapatkan maklumat tersurat dan tersirat dengan tepat tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</p> <p>1.6.2 Berisyarat / berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang mengandungi peribahasa secara bertatasusila.</p>	1	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sangat terhad.
		2	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap terhad.
	<p>1.7.2 Berisyarat / berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber yang mengandungi maklumat dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.</p> <p>4.2.1, 4.3.1, 4.3.2, 4.5.1 5.1.1, 5.1.6, 5.1.7, 5.2.1</p>	3	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sesuai.
		4	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap kukuh.
		5	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap terperinci.
		6	Berkomunikasi secara bertatasusila dengan menggunakan kata dan ayat yang gramatis bagi menyatakan permintaan; memperoleh dan menyampaikan maklumat yang tepat; dan mengemukakan pendapat secara isyarat / lisan pada tahap sangat terperinci konsisten dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 3 1.5 Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan tepat menggunakan isyarat dan sebutan yang jelas serta intonasi yang betul.	1.5.1 Bercerita menggunakan isyarat / lisan tentang sesuatu perkara dengan tepat yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat tunggal yang mengandungi bahasa yang indah. 1.5.2 Bercerita menggunakan isyarat / lisan tentang sesuatu perkara dengan tepat, sebutan / isyarat yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat majmuk dengan bahasa yang indah. 1.5.3 Bercerita menggunakan isyarat / lisan tentang sesuatu perkara yang dialami dengan sebutan / isyarat yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan bahasa yang indah. 4.2.2 5.1.6	1	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap sangat terhad.
		2	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap terhad.
		3	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap sesuai.
		4	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap kukuh.
		5	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap terperinci.
		6	Menyampaikan cerita secara isyarat / lisan dengan tepat menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan intonasi yang betul pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN KEMAHIRAN MEMBACA (ISYARAT / SEBUTAN)

Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul;
- ii. membaca (isyarat / sebutan) pelbagai bahan yang mengandungi pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan lancar, sebutan / isyarat yang jelas dan intonasi yang betul;
- iii. membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan, menjana idea dan membuat penilaian dengan betul;
- iv. membaca (isyarat / sebutan) memahami dan menaakul maklumat yang tersurat dan tersirat daripada bahan prosa dan memindahkan kepada bentuk puisi dengan betul; dan
- v. membaca (isyarat / sebutan) dan memahami bahan sastera dan bahan bukan sastera untuk meningkatkan daya berfikir secara kreatif dan mengenal pasti nilai murni.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)

BAHASA MALAYSIA TAHUN 5
KEMAHIRAN : 2) MEMBACA (ISYARAT / SEBUTAN)

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 1 2.2 Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan betul. 2.3 Membaca (isyarat / sebutan) pelbagai bahan bacaan dengan lancar dan intonasi yang betul.	2.2.1 Membaca / berisyarat dan memahami perkataan berimbuhan apitan dalam ayat daripada pelbagai bahan bacaan dengan betul.	1	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap sangat terhad.
		2	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap terhad.
	2.2.2 Membaca / berisyarat dan memahami frasa yang mengandungi diftong, digraf, vokal berganding dan konsonan bergabung dalam petikan mudah daripada pelbagai bahan bacaan dengan betul.	3	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap sesuai.
		4	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap kukuh.
	2.2.3 Membaca / berisyarat dan memahami ayat dalam petikan mudah daripada pelbagai sumber bacaan dengan betul.	5	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap terperinci.
		6	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan apitan dan pelbagai jenis ayat secara mekanis dengan betul pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.
4.4.1			

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 2 2.4 Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan bacaan untuk memberi respons dengan betul.	2.4.1 Membaca / berisyarat dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat ulasan dengan betul. 2.4.2 Membaca / berisyarat dan memahami maklumat daripada pelbagai bahan multimedia untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul. 2.4.3 Membaca / berisyarat dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada bahan multimedia dengan betul.	1	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap sangat terhad.
		2	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap terhad.
		3	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap sesuai.
		4	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap kukuh.
		5	Membaca (isyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap terperinci.
		6	Membaca (berisyarat / sebutan) dan memahami maklumat untuk membuat ramalan dengan tepat, menjanakan idea dan membuat penilaian pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
<p>KELOMPOK 3</p> <p>2.5 Membaca (isyarat / sebutan), memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.</p> <p>2.6 Membaca (isyarat /sebutan) pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca.</p>	2.5.1 Membaca / berisyarat dan memahami maklumat dalam bahan puisi dengan betul.	1	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni pada tahap sangat terhad.
	2.5.2 Membaca / berisyarat, memahami dan menaakul maklumat dalam puisi dengan betul.	2	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni pada tahap terhad.
	2.5.3 Membaca / berisyarat dan menaakul bahan puisi untuk memindahkan maklumat kepada bentuk prosa dengan betul.	3	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni dengan betul. pada tahap sesuai.
	2.6.1 Membaca / berisyarat pelbagai bahan kreatif yang sesuai untuk meningkatkan daya berfikir secara kritis.	4	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni dengan betul dan kreatif pada tahap kukuh.
	2.6.2 Membaca / berisyarat dan memahami pelbagai bahan bacaan bukan sastera secara didik hiburan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni.	5	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni dengan betul pada tahap terperinci.
	4.2.1, 4.4.1, 4.5.1, 4.5.2	6	Membaca (isyarat / sebutan), menaakul, memindahkan maklumat dan mengenal pasti nilai murni dengan betul pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN KEMAHIRAN MENULIS

Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan ;

- i. menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dengan betul dan kemas;
- ii. menulis ayat majmuk secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas;
- iii. membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah dengan betul;
- iv. membina kerangka dan menulis pelbagai jenis karangan dengan betul;
- v. menulis imlak perkataan, frasa dan ayat yang berimbuhan pinjaman dengan ejaan dan tanda baca yang tepat;
- vi. mencatat maklumat yang betul mengikut urutan untuk membuat carta daripada pelbagai sumber;
- vii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea utama dan idea sampingan serta menegaskan kesantunan berbahasa;
- viii. menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk surat, laporan dan berita dengan jelas serta menggunakan bahasa yang santun;
- ix. menghasilkan kerangka dan penulisan karangan berbentuk imaginatif dan deskriptif dengan betul;
- x. mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan dan struktur ayat; dan
- xi. menulis ulasan tentang bahan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca dengan jelas dan menggunakan ayat yang gramatis.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)

BAHASA MALAYSIA TAHUN 5
KEMAHIRAN : 3) MENULIS

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 1 3.2 Menulis huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas.	3.2.6 Menulis secara mekanis ayat dalam perenggan dengan betul dan kemas. 3.2.7 Menulis secara mekanis satu perenggan ayat dalam bentuk tulisan berangkai yang betul. 3.2.8 Menulis secara mekanis dalam perenggan berbentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas. 3.2.9 Menulis secara mekanis ayat berperenggan dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas. 5.1.2, 5.1.6, 5.2.1	1	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap sangat terhad.
		2	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap terhad.
		3	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap sesuai.
		4	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap kukuh.
		5	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap terperinci.
		6	Menulis ayat secara mekanis dengan betul dan tepat pada tahap sangat terperinci, konsisten dan, menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 2 3.4 Menulis imlak dengan tepat. 3.8 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan betul.	3.4.1 Menulis imlak kata majmuk dengan ejaan yang tepat. 3.4.2 Menulis imlak perkataan berimbuhan dengan ejaan yang tepat. 3.8.1 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek penggunaan kata dan struktur ayat dalam penulisan dengan betul. 3.8.2 Mengedit dan memurnikan penulisan kreatif berbentuk deskriptif (mengikut format) dari aspek penggunaan kata dan struktur ayat dengan betul. 5.1.2, 5.1.6, 5.2.1	1	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap sangat terhad.
		2	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap terhad.
		3	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap sesuai.
		4	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap kukuh.
		5	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap terperinci.
		6	Menulis ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan ejaan, tanda baca, penggunaan kata, imbuhan, dan struktur ayat yang betul serta tepat pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 3	<p>3.3.3 Membina dan menjawab pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dengan betul dan kemas.</p> <p>3.3.4 Membina dan menjawab pemahaman berdasarkan soalan bercapah dengan betul dan kemas.</p> <p>3.3.5 Menulis dan melengkapkan karangan menggunakan frasa ayat berdasarkan sesuatu tajuk dengan betul.</p> <p>3.3.6 Menulis dan melengkapkan karangan secara gramatis berdasarkan sesuatu tajuk dengan betul.</p>	1	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sangat terhad.
		2	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap terhad.
3.5 Mencatat maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.	<p>3.5.1 Mencatat maklumat yang betul mengikut urutan daripada pelbagai sumber.</p> <p>3.5.2 Mencatat maklumat yang betul mengikut urutan dan membuat pengurusan grafik secara berpandu daripada pelbagai sumber.</p> <p>3.5.3 Mencatat maklumat yang betul mengikut kronologi dan membuat pengurusan grafik secara tidak berpandu daripada pelbagai sumber.</p>	3	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sesuai.
		4	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap kukuh.
		5	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap terperinci.
		6	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
3.9 Menulis ulasan tentang pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca (melihat / memahami) dengan betul.	3.9.1 Menulis ulasan tentang bahan sastera yang diisyaratkan, ditonton atau dibaca isyarat dengan jelas oleh guru secara berpandu secara gramatis. 3.9.2 Menulis ulasan tentang bahan bukan sastera yang diisyaratkan, ditonton atau dibaca isyarat dengan jelas oleh guru secara berpandu secara gramatis. 3.9.3 Menulis ulasan tentang nilai atau pengajaran dalam bahan sastera dan bukan sastera. 5.1.4, 5.1.5, 5.2.1, 5.3.1	1	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sangat terhad.
		2	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap terhad.
		3	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sesuai.
		4	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap kukuh.
		5	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap terperinci.
		6	Menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, membina kerangka, dan menulis ulasan yang betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Pernyataan
KELOMPOK 4 3.6 Menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun. 3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul.	3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul dengan kohesi (penggabungan ayat tunggal dan ayat majmuk) dan menegaskan kesantunan bahasa.	1	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap sangat terhad.
	3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk syarahan yang jelas dengan menegaskan kesantunan bahasa yang betul.	2	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap terhad.
	3.7.1 Menghasilkan perenggan pendahuluan dalam penulisan kreatif.	3	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap sesuai.
	3.7.2 Menghasilkan perenggan isi dalam penulisan kreatif.	4	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap kukuh.
	3.7.3 Menghasilkan perenggan penutup dalam penulisan kreatif.	5	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap terperinci.
	3.7.4 Menghasilkan penulisan kreatif secara berpandu dengan betul.	6	Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun; menghasilkan kerangka dan penulisan kreatif dengan betul pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.
	4.1.2, 4.4.2, 4.5.2 5.1.2, 5.1.4, 5.1.5, 5.2.1		

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN ASPEK SENI BAHASA

Objektif Aspek Seni Bahasa untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan ;

- i. menyebut (isyarat / lisan), memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi nilai secara berpandu dan menyampaikannya secara didik hiburan;
- ii. mengujarkan (isyarat / lisan) ayat yang gramatis dan bahasa yang indah dengan sebutan / isyarat dan intonasi yang betul dan jelas serta bahasa badan yang sesuai semasa bercerita secara didik hiburan;
- iii. mengujarkan dialog dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang betul dan jelas, bahasa badan yang sesuai dan memahaminya melalui lakonan;
- iv. menghasilkan dialog daripada bahan rangsangan untuk menyampaikan nilai dan pengajaran serta menyampaikannya melalui lakonan dengan menggunakan bahasa badan yang sesuai secara didik hiburan;
- v. mendeklamasi sajak dengan sebutan / isyarat yang betul dan intonasi yang jelas secara didik hiburan serta memahami maksud sajak tersebut; dan
- vi. membina sajak secara terkawal dan memahaminya serta mendeklamasikan dengan sebutan / isyarat dan intonasi yang betul dan jelas secara didik hiburan.

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)

BAHASA MALAYSIA TAHUN 5 KEMAHIRAN : 4) SENI BAHASA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>4.1 Menyebut (isyarat / lisan) dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hibur.</p> <p>4.2 Mengujarkan (isyarat / lisan) bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita secara didik hibur.</p>	<p>4.1.1 Menyebut (isyarat / lisan) seni kata lagu yang mengandungi bahasa yang indah dalam nyanyian yang dipersembahkan secara didik hibur.</p> <p>4.1.2 Memahami dan menyatakan (isyarat / lisan).bahasa yang indah daripada seni kata lagu melalui nyanyian secara didik hibur.</p> <p>4.2.1 Mengujarkan ayat dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang betul serta ayat gramatis melalui penceritaan secara didik hibur.</p> <p>4.2.2 Mengujarkan ayat dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang betul ayat gramatis, bahasa badan dan gaya yang sesuai untuk menyampaikan nilai melalui penceritaan secara didik hibur.</p>	<p>Pentaksiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (Isyarat / Sebutan) juga boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular Aspek Seni Bahasa.</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>4.3 Mengujarkan (isyarat / lisan) bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hibur.</p>	<p>4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan / isyarat dan intonasi yang betul, ayat yang gramatis serta bahasa badan dan gaya yang sesuai melalui lakonan secara didik hibur.</p> <p>4.3.2 Mengujarkan dialog dengan sebutan / isyarat dan intonasi yang betul, ayat yang gramatis serta bahasa badan dan gaya yang sesuai untuk menyampaikan nilai melalui lakonan secara didik hibur.</p>	<p>Pentaksiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (Isyarat / sebutan) juga boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular Aspek Seni Bahasa.</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>4.4 Melafazkan (isyarat / lisan) dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.</p> <p>4.5 Berucap (kod tangan / berisyarat) untuk menyampaikan pengucapan awam mengikut laras bahasa yang sesuai dengan yakin dan berkesan.</p>	<p>4.4.1 Memahami dan melagukan syair dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang betul serta dipersembahkan menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.</p> <p>4.4.2 Membina syair berpandu dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang betul dan jelas secara didik hibur.</p> <p>4.5.1 Menyampaikan syarahan berdasarkan teks dengan sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi yang jelas, mengikut laras bahasa yang sesuai dengan yakin.</p> <p>4.5.2 Membina teks syarahan dengan fakta yang jelas, susunan idea yang betul dalam menyampaikannya sebutan (isyarat / lisan) dan intonasi secara berkesan.</p>	<p>Pentaksiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (Isyarat / sebutan) juga boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular Aspek Seni Bahasa.</p>

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN ASPEK TATABAHASA

Objektif Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

- i. memahami dan menggunakan kata nama am konkrit, penjodoh bilangan dan kata nama khas tidak hidup dengan betul mengikut konteks;
- ii. memahami dan menggunakan kata ganti nama tunjuk, kata kerja pasif, kata adjektif, kata penguat, kata hubung pancangan keterangan, kata bantu, kata perintah dan kata pemerik dengan betul mengikut konteks;
- iii. memahami dan menggunakan imbuhan akhiran *-an*, *-kan*, *-i*, imbuhan apitan dan imbuhan pinjaman pada kata kerja, kata nama, kata adjektif dan dengan betul dalam pelbagai situasi; dan
- iv. memahami dan membina ayat tunggal dengan perluasan subjek dan predikat serta ayat aktif dan ayat pasif dengan betul dalam pelbagai situasi.

**DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)
BAHASA MALAYSIA TAHUN 5
KEMAHIRAN : 5) TATABAHASA**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks.</p>	<p>5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am tak hidup bukan institusi abstrak dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas tak hidup institusi dan tak hidup bukan institusi dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama tunjuk menggunakan ayat majmuk dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dan tak transitif dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif waktu dan jarak dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung bentuk akar dan bentuk terbitan dalam ayat dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya awal ayat dan akhir ayat dengan betul mengikut konteks.</p>	<p>Pentaksiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (Isyarat / sebutan) juga boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Standard Pembelajaran Aspek Tatabahasa ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pembelajaran dan pengajaran masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular Aspek Tatabahasa.</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata yang sesuai dalam pelbagai situasi dengan betul.</p> <p>5.3 Memahami dan membina ayat yang betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.4. Menggunakan peribahasa, penjodoh bilangan dan perkataan sinonim dan antonim mengikut konteks yang betul.</p> <p>5.5 Memahami dan menggunakan kata ganda dalam ayat yang betul dan tepat mengikut konteks.</p>	<p>5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan akhiran -wan, -wati, -ita dengan betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.3.1 Memahami dan membina ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat yang betul dalam pelbagai situasi.</p> <p>5.4.1 Menggunakan peribahasa yang betul mengikut konteks.</p> <p>5.4.2 Menggunakan penjodoh bilangan yang betul mengikut konteks.</p> <p>5.4.3 Menggunakan perkataan sinonim yang betul mengikut konteks.</p> <p>5.4.4 Menggunakan perkataan antonim yang betul mengikut konteks.</p> <p>5.5.1 Memahami dan menggunakan kata ganda nama yang betul dan tepat mengikut konteks.</p> <p>5.5.2 Memahami dan menggunakan kata ganda kerja yang betul dan tepat mengikut konteks.</p> <p>5.5.3 Memahami dan menggunakan gandaan adjektif yang betul dan tepat mengikut konteks.</p>	<p>Pentaksiran Kemahiran Melihat, Mengecam, Berisyarat / Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca (Isyarat / sebutan) juga boleh dilaksanakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Standard Pembelajaran Aspek Tatabahasa ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, proses pembelajaran dan pengajaran masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular Aspek Tatabahasa.</p>

GLOSARI

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
aspek [aspék]	segi, sudut, bahagian untuk diberikan perhatian dan sebagainya.
ayat songsang	susunan ayat yang berlawanan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek. (<i>Rujuk Tata Bahasa Dewan muka surat 436 – 437</i>)
bahan grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyam-paikan idea
bahan prosa	karangan yang ditulis dengan bahasa biasa tidak berbentuk puisi.
berbicara	bercakap untuk mengemukakan pendapat
berbual-bual	berborak atau beromong
bercerita	bercakap, berbual mengisahkan sesuatu
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
bertutur	bercakap atau berkata-kata.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
deskriptif	keterangan yang bertujuan memberi gambaran.
diftong (lin)	gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti <i>ai, au</i> dan <i>oi</i> .
digraf	dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti <i>ng, ny, sy</i>
diksi	pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara lisan dan bertulis
ekstensif	[éksténsif] luas liputannya.
frasa	kumpulan kata yang membentuk unit–unit sintaksis sesuatu klausa
gerak laku	tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan
grafik	maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip- prinsip nahu atau tatabahasa
idea	buah fikiran, gagasan
idea sampingan	idea dalam bentuk huraian dan contoh bagi me-nyokong dan menerangkan idea utama
idea utama	buah fikiran yang penting menerangkan maksud keseluruhan perenggan
imaginatif	tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berasaskan khayalan
jeda atau berjeda	berhenti sebentar
karangan berpandu	karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi
karangan terkawal	karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru (<i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i>) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
kata gelaran	<ul style="list-style-type: none"> i. gelaran kehormat yang diberi kerana jasa se-seorang. ii. gelaran yang digunakan untuk merujuk keturunan /taraf. iii. rujukan kehormat yang di gunakan kepada gelaran kehormat.
klasifikasi	penyusunan mengikut kelas atau susunan sistematik ke dalam kumpulan menurut kriteria yang ditetapkan
konsep	pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu
kritis	tidak dengan begitu sahaja menerima atau memper-setujui sesuatu (menimbang-kan buruk baiknya terlebih dahulu)
melakar	melukis rangka secara kasar
memurnikan	membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan
menaakul	hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
menceritakan	mengisahkan sesuatu kepada / mengkhabarkan / memberitahu / mengatakan
mengajuk	Meniru
mengecam	kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar
mengedit	menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat
mengimlak	menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain
mengujarkan	mengatakan, mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan
menjana idea	menghasil, melahirkan, mengeluarkan buah fikiran /idea.
modul	unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
penilaian	perbuatan menilai sesuatu untuk dijadikan ukuran atau Tahap Penguasaan.
perasaan	perihal merasa: (i) dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu
pertautan idea	pertalian atau perhubungan idea antara dua ayat atau dua perenggan
pola ayat	contoh atau model ayat yang dibina atau rangka dasar ayat. Terdapat 4 pola ayat dasar. (Rujuk <i>Tata Bahasa Dewan muka surat 418 – 419</i>)
prinsip	asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan, atau hukum sesuatu teori dan lain-lain
prosa	karangan yang bertulis dengan bahasa yang biasa bukan dalam bentuk puisi

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
ramalan	sesuatu yang diramalkan, dugaan, telahan dan tekaan.
respons	reaksi
soalan bercapah	soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan
soalan bertumpu	soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks
transformasi	perubahan bentuk atau sifat, rupa, keadaan dan lain-lain
tulisan mekanis [mékanis]	melakukan sesuatu tanpa perlu berfikir dan hanya meniru dan menyalin sahaja
urutan	susunan (kejadian) yang berturut-turut, susunan yang teratur, rentetan
wacana	<p>a. unit bahasa yang melebihi batas ayat. Wacana boleh terdiri daripada ayat, ceraian, dialog dan sebagainya.</p> <p>b. kesatuan fikiran yang utuh dalam bentuk lisan atau tulisan.</p>